



# MENKKAJI KEBERKESANAN TAKLIMAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN DAN LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN TERHADAP TAHAP KESEDARAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI KALANGAN PENGHUNI BLOK V5 DAN V6 KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR PSAS

Noormala Abdullah<sup>1</sup> dan Azar Shabudin<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Politeknik Sultan Azlan Shah, Malaysia

<sup>1</sup>[noormala@psas.edu.my](mailto:noormala@psas.edu.my)

<sup>2</sup>[azar@psas.edu.my](mailto:azar@psas.edu.my)

**Abstrak:** Isu keselamatan dan kesihatan sentiasa menjadi tumpuan utama pihak pengurusan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), terutamanya di kawasan Kolej Kediaman Pelajar PSAS yang menempatkan 1424 orang pelajaranya. Untuk meningkatkan tahap kesedaran pelajar berkenaan keselamatan dan kesihatan, taklimat keselamatan dan kesihatan dan latihan pengungsian bangunan dilaksanakan di Kolej Kediaman Pelajar 2 kali setahun. Kajian ini dilakukan bagi mengukur tahap keberkesanan kedua-dua program keselamatan ini dalam meningkatkan kesedaran pelajar berkenaan keselamatan dan kesihatan. Kajian ini melibatkan 238 orang pelajar yang menghuni blok V5 dan V6. Satu soalselidik telah diedarkan kepada semua penghuni blok V5 dan V6 7 hari selepas program keselamatan tersebut dilaksanakan. Hasil kajian mendapati tahap kesedaran pelajar mengenai keselamatan dan kesihatan meningkat selepas program dilaksanakan dan para pelajar mendapati kolej kediaman pelajar PSAS adalah selamat dan kondusif. Hasil kajian juga mendapati penglibatan pelajar dalam pasukan sukarelawan juga dapat meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan berkenaan tindakan awal kecemasan.

**Kata kunci:** latihan keselamatan dan kesihatan; pengungsian bangunan; kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan.

## 1. Pengenalan

Keselamatan dan kesihatan adalah berkait rapat dengan kehidupan seharian kita terutamanya apabila melibatkan komuniti dan organisasi. Kemalangan di tempat kerja berlaku disebabkan oleh aktiviti dan persekitaran pekerjaan yang tidak selamat dan tidak sihat yang mana kedua-dua perkara ini boleh dikawal oleh pihak pengurusan (Holt dan Allen, 2015). Adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan untuk menyediakan dan memastikan persekitaran tempat kerja selamat dan bebas dari penyakit. Antara langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak pengurusan bagi mengelak kemalangan di tempat kerja ialah dengan memberi maklumat



lengkap mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada semua pekerja, dan meningkatkan kemahiran bekerja mengikut sistem bekerja yang betul dan selamat melalui program-program latihan (Mohamed, R., Juhari, M.A.F., Baker, R., dan Yasid, A.F.M., 2018).

Keselamatan merupakan cara hidup yang sama penting sama ada dalam dan luar masa bekerja (Wells, 2003). Di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), aspek keselamatan warga kampus menjadi keutamaan institusi ini dalam pengoperasiannya. Kolej kediaman, sebagai contoh, menggariskan prosedur kawalan keselamatan dan sistem pengurusan pelajar yang teratur bagi memastikan persekitaran kondusif dapat dikekalkan. Selain dari menyediakan persekitaran yang selesa dan selamat, kesedaran yang tinggi di kalangan penghuninya berkenaan keselamatan dan kesihatan juga amat penting. Menurut Holt dan Allen (2015), meningkatkan tahap kesedaran pekerja mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan juga adalah langkah penting bagi mengelak berlakunya kemalangan di tempat kerja.

Antara usaha yang telah diambil oleh pengurusan kolej kediaman bagi meningkatkan kesedaran berkenaan keselamatan dan kesihatan di kalangan pelajar ialah dengan mewujudkan Program Keselamatan dan Kesihatan dengan kerjasama Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) PSAS. UKKP PSAS ditubuhkan untuk memantau dan memastikan persekitaran di PSAS adalah selamat dan bebas dari bahaya yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan warga PSAS. Selain itu, UKKP PSAS juga bertanggungjawab menjalankan kursus-kursus dan latihan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan bagi memastikan warga PSAS mempunyai kesedaran dan pengetahuan yang cukup berkenaan keselamatan dan kesihatan. Antara program latihan yang sering dilaksanakan setiap semester ialah latihan pencegahan kebakaran dan pengungsian bangunan.

### 1.1 Latar belakang responden

Kolej Kediaman Pelajar PSAS merangkumi 6 blok yang boleh menampung 1424 orang penghuni dalam satu masa. Setiap blok mempunyai 4 aras dengan setiap aras mempunyai 2 buah tandas, 2 buah bilik basuh baju dan 2 pantri. Kemudahan-kemudahan lain yang terdapat di Kolej Kediaman Pelajar PSAS ialah kafeteria, kedai koperasi, klinik pelajar dan gelanggang-gelanggang sukan. Ini menjadikan kawasan kolej kediaman pelajar sebagai tempat tumpuan para pelajar ketika minggu perkuliahan.

Blok V2, V3 dan V4 dikhaskan untuk pelajar lelaki manakala blok V1, V5 dan V6 dikhaskan untuk pelajar perempuan. Kebanyakan penghuni-penghuni kolej kediaman pelajar ini terdiri daripada pelajar-pelajar semester 1 dan sebahagian kecil lagi terdiri daripada ahli jawatankuasa Majlis Perwakilan Pelajar PSAS (MPP), Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) dan pelajar-pelajar senior yang berkeperluan khas.

Kajian ini membabitkan penghuni-penghuni blok V5 dan V6 sahaja dengan dengan jumlah penghuni seramai 238 orang. Ketika kajian ini dilakukan, blok V1 dan V2 telah dijadikan sebagai blok isolasi sebagai persediaan mengasingkan pelajar yang dijangkiti COVID-19. Kesemua penghuni blok V5 dan V6 terlebih dahulu telah menjalani program Latihan Pengungsian Bangunan dan Taklimat Keselamatan dan Kesihatan pada 13 September 2020. Seramai 238 orang penghuni telah terlibat dengan program ini yang telah diselia oleh UKKP



PSAS, Unit Pengurusan Asrama dan warden-warden. Disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia pada ketika itu, program ini terpaksa dilaksanakan secara dalaman tanpa melibatkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Satu soalselidik telah diedarkan kepada semua penghuni tersebut 7 hari selepas program dilaksanakan bagi mengukur tahap keberkesanan program terhadap tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan di kalangan penghuni Blok V5 Dan V6 Kolej Kediaman Pelajar PSAS.

## 1.2 Keperluan latihan keselamatan

Dengan bilangan penghuni yang ramai, tambahan pula menjadi tempat tumpuan para pelajar pada waktu puncak ketika minggu perkuliahan, risiko berlakunya kemalangan dan kecemasan di kolej kediaman pelajar adalah tinggi. Sehubungan itu, kesedaran berkenaan keselamatan di kalangan penghuni kolej kediaman pelajar perlu ditingkatkan. Bagi meningkatkan kesedaran berkenaan keselamatan dan kesihatan di kalangan penghuni kolej kediaman, program-program latihan berkenaan keselamatan dan kesihatan perlu kerap dilaksanakan. Menurut Mohamed, R. et al. (2018), wujud hubungan yang signifikan positif antara sikap pekerja dan latihan keselamatan dan kesihatan dengan tahap kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerja. Kenyataan ini juga disokong oleh M, Mansur., dan Peng, S.H. (2009) yang menyatakan bahawa latihan keselamatan dan kesihatan yang ditawarkan bukan sekadar meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan para pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan sahaja tetapi juga meningkatkan kesedaran para pekerja supaya semasa bekerja sentiasa mementingkan keselamatan sendiri dan juga rakan sekerjanya tanpa bertindak dengan bahaya. Sahid, F.M., Hin, K.F., dan Ahmad, A.L. (2013) juga berpendapat mempertingkatkan program latihan bagi meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan dan memastikan prosedur kerja dipatuhi sepertimana yang ditetapkan. Selain itu, program latihan juga dapat mempertingkatkan kualiti kerja dan mewujudkan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan. Menjalankan lebih banyak program-program latihan untuk meningkatkan kesedaran penghuni tentang keselamatan kebakaran (Tharmarajan, P., 2007).

Sebagai sebuah organisasi kerajaan, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan PSAS untuk mengadakan latihan-latihan sebegini sepertimana yang telah dinyatakan di dalam Buku Arahan Perkhidmatan Awam. Berdasarkan kepada Buku Arahan Perkhidmatan, bab 8 perkara 2(a), jabatan-jabatan hendaklah mengadakan latihan dari semasa ke semasa bagi kakitangan-kakitangan mereka tentang cara-cara mencegah kebakaran seperti penggunaan pemadam-pemadam api dan tindakan-tindakan menyelamatkan diri apabila berlaku kebakaran di pejabat-pejabat, terutama di bangunan-bangunan tinggi. Latihan-latihan ini patut diadakan setahun sekali. Jabatan bomba akan sedia memberi nasihat dan membantu di dalam latihan-latihan yang diaturkan oleh jabatan-jabatan. Dengan melaksanakan latihan keselamatan dan kesihatan yang lebih kerap, ia menunjukkan kesan terhadap komitmen sesebuah organisasi tentang keselamatan dan kesihatan (Azlan, S.N., Wahab, S.R.A., 2018). PSAS melalui UKKP melaksanakan latihan kebakaran dan pengungsian bangunan sebanyak 2 kali setahun, selain latihan, seminar dan taklimat keselamatan dan kesihatan yang lain seperti pengenalan kepada HIRARC, kursus pengurusan sisa berjadual, prosedur kerja selamat dan banyak lagi. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan yang tinggi pengurusan PSAS terhadap isu keselamatan warganya.



Latihan keselamatan mempunyai kepentingan kepada firma dan masyarakat dan berupaya menyelamatkan nyawa, mengelakkan kemalangan, kecederaan dan kesakitan. Ini menunjukkan betapa pentingnya membekalkan secukupnya latihan keselamatan bagi memastikan tanggungjawab majikan telah dilaksanakan iaitu membekalkan latihan kepada semua lapisan pekerja binaan termasuk kakitangan pengurusan (Misnan, M.S., Mohammed, A.H., Yusof, Z.M., Hamid, R.A., Othman, N., dan Mahmood, W.Y.W., 2015). Kekerapan latihan dan jenis latihan yang sesuai dengan keadaan persekitaran kerja sangat penting bagi menyediakan organisasi dan pekerjanya dengan ilmu dan kemahiran yang cukup untuk menghadapi keadaan kecemasan. Semakin kerap latihan keselamatan dilaksanakan, semakin cekap dan pantas tindakan organisasi dan pekerjanya ketika menghadapi situasi kecemasan. Penyelidikan empirikal telah membuktikan bahawa latihan keselamatan sebagai peramal kepada tingkah laku keselamatan (Faiz, Z., 2017). Selain daripada dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran, latihan, kursus, taklimat dan seminar keselamatan juga dapat meningkatkan motivasi pekerja. Ini kerana, selepas menghadiri seminar, motivasi pekerja akan meningkat kerana memperoleh idea-idea baru ketika sesi perbincangan atau aktiviti dalam kumpulan (Reese, C.D., 2016).

Selain daripada meningkatkan kekerapan melaksanakan latihan, kualiti latihan yang diberikan itu juga sangat penting. Namian, M., Albert, A. dan Behm, Michael. (2016) mendedahkan, latihan yang melibatkan penglibatan peserta yang tinggi akan memberikan kesan lebih baik terhadap tahap pengesanan bahaya dan persepsi risiko keselamatan. Mohamed, R. et al. (2018) juga mencadangkan agar pihak pengurusan menjalankan analisis keperluan latihan dan menilai semula program-program latihan keselamatan dan kesihatan yang telah dijalankan. Ini kerana, hasil dari kajian mereka mendapati bahawa tahap kesedaran keselamatan pekerja-pekerja di sebuah pusat perubatan berada pada tahap sederhana kerana ceramah dan latihan yang diberikan kurang memberi kesan. Faiz, Z. (2017) pula menyatakan pengurus harus memastikan jenis latihan keselamatan yang sesuai dengan organisasi supaya latihan yang diberikan itu memberi kesan positif kepada organisasinya.

Kesimpulannya di sini, kajian terhadap keberkesanan taklimat keselamatan dan kesihatan dan latihan pengungsian bangunan yang telah dilaksanakan kepada penghuni blok V5 dan V6 Kolej Kediaman Pelajar PSAS perlu dilaksanakan bagi mengetahui tahap keberkesanan terhadap kesedaran keselamatan dan kesihatan di kalangan penghuni blok V5 dan V6 Kolej Kediaman Pelajar PSAS.


## 2. Metodologi Kajian

Merujuk kepada kajian yang dijalankan, penyelidik menyerta dan menekankan kepada beberapa perkara yang meliputi persampelan, analisis data, instrumen kajian serta reka bentuk kajian. Ia turut dikenali sebagai tatacara kajian ini dijalankan (Mohamad Najib, 1999). Kajian ini dilaksanakan secara keseluruhannya melalui kaedah edaran borang soal selidik dan diakhiri dengan pemrosesan data melalui kaedah peratusan berdasarkan terimaan data sedia ada.

## 2.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik adalah berdasarkan kepada borang soal selidik yang diberikan pautan kepada para responden utk menjawabnya. Ia secara keseluruhannya berupaya mendapatkan data-data yang diperlukan bagi memenuhi kriteria analisis dan objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Kaedah taburan borang soal selidik menjurus kepada dapatan kajian bercorakkan kuantitatif. Ia berupaya membantu penyelidik mengupas segala data yang diperolehi serta dalam masa yang sama mencapai matlamat untuk mewujudkan keselesaan dan keprihatian terhadap ruang tempat tinggal, faktor persekitaran, dan pengetahuan sedia ada berkenaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam sistem Pendidikan Politeknik Malaysia.

## 2.2 Kerangka Kajian



Rajah 1: Kerangka Kajian

Rajah 1 menunjukkan Kerangka Kajian yang dibuat bagi mencapai objektif kajian. Penyelidik memulakan dengan aktiviti pemilihan tajuk, pemilihan responden, pernyataan masalah dan



diselesaikan melalui analisis, huraian, dapatan dan cadangan kajian.

### 2.3 Persampelan Bertujuan

Kajian ini dijalankan dengan merujuk kepada kaedah persampelan bertujuan. Merujuk kepada Sabitha Marican (2005) ia tidak menunjukkan pendapatan penyelidikan semata-mata. Justeru itu, ia adalah menjurus kepada data sebenar melalui teknik persampelan yang dijalankan. Penyelidik juga telah menetapkan individu yang akan dirujuk sebagai sampel kajian. Ia telah dipertimbangkan terlebih dahulu oleh penyelidik sebelum kajian dijalankan (Mohd Majid, 2004). Umumnya, pemilihan individu yang terlibat akan melambangkan kualiti kajian yang dijalankan berdasarkan kesesuaian, situasi dan keperluan (Sabitha Marican, 2005). Ia disusuli dengan kajian berkaitan berkenaan keadaan tempat tinggal. Oleh yang demikian, pemilihan responden dibuat dengan melibatkan para pelajar Kolej Kediaman Politeknik Sultan Azlan Shah sendiri.

### 2.4 Instrumen Kajian

Maklumat-maklumat kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik untuk mendapatkan data adalah melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada para responden. Justeru itu, ia secara tidak langsung telah membantu penyelidik mencerap setiap data-data yang diperlukan.

### 2.5 Pengumpulan Data

Penyelidik melalui Mohd Majid (2004) menyatakan bahawa proses perancangan dan pelaksanaan kajian adalah salah satu daripada elemen pengumpulan data. Oleh yang demikian, kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data adalah melalui borang soal selidik yang terlebih dahulu diedarkan kepada para responden melalui pautan yang diberikan kepada responden melalui kumpulan aplikasi Whatsapp.

### 2.6 Kaedah Analisis Data


Data deskriptif melalui dapatan kajian telah menjelaskan kaitan responden atau populasi dengan yang dilaksanakan oleh penyelidik. Ia diterjemahkan melalui gambaran carta, purata, peratusan yang diperolehi (Sabitha Marican, 2005). Oleh yang demikian, ia telah memaparkan fenomena populasi yang dinilai berdasarkan ketetapan penyelidik dengan menjurus kepada objektif asal kajian.

## 3. Dapatan Kajian

Kajian ini meliputi responden dari penghuni-penghuni blok kamsis V5 dan V6 yang telah mengikuti Latihan Pengungsian Bangunan Blok V5 dan V6 Kolej Kediaman PSAS yang telah dilaksanakan pada 13 September 2020. Borang soal selidik ini diedarkan kepada responden pada 20 September 2020 iaitu kira-kira seminggu selepas tamat latihan tersebut. Seramai 238 orang responden telah terlibat di mana 52% adalah responden dari blok V5 manakala 48% lagi dari blok V6 sepertimana yang ditunjukkan pada Rajah 1. 60.8% dari responden merupakan pelajar semester 1 manakala selebihnya adalah dari pelajar-pelajar semester 2 hingga 5. Ini




menunjukkan bahawa majoriti responden adalah penghuni baru Kolej Kediaman PSAS dan pertama kali menyertai Latihan Pengungsian Bangunan Blok Kolej Kediaman PSAS. Sebanyak 94.1% responden menjawab pernah mengikuti taklimat berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan dan selebihnya menjawab tidak pernah. Ini menunjukkan majoriti penghuni blok V5 dan V6 mengikuti Latihan Pengungsian Bangunan Blok V5 dan V6 Kolej Kediaman PSAS yang telah dilaksanakan pada 13 September 2020.



Rajah 1: Latarbelakang Responden

Sebanyak 94.5% responden menyatakan mereka tahu istilah bahaya di Kolej Kediaman manakala 5.5% lagi menjawab tidak pasti. Dari segi kefahaman berkaitan keadaan yang berbahaya di Kolej Kediaman, sebanyak 95.8% responden menjawab mereka faham akan keadaan tersebut manakala 4.2% lagi menjawab tidak pasti di mana sebanyak 93% responden tahu menilai tahap bahaya sesuatu keadaan atau situasi di Kolej Kediaman dan cuma 7% sahaja yang tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa majoriti penghuni Blok V5 dan V6 Kolej Kediaman PSAS tahu mengenalpasti bahaya di Kolej Kediaman. Data-data ini dapat dilihat pada Rajah 2.



Rajah 2: Mengenalpasti Bahaya di Kolej Kediaman


Menurut 69.9% responden, kawasan Kolej Kediaman adalah selamat dan 25.5% lagi tidak pasti, manakala 4.6% responden tidak berasa selamat di Kolej Kediaman sepertimana yang ditunjukkan pada Rajah 3. Walaupun Kolej Kediaman adalah kawasan yang selamat, tapi risiko berlaku kemalangan tetap ada. Sebanyak 32.4% responden bersetuju bahawa Kolej Kediaman merupakan kawasan yang berisiko dan 24% lagi tidak bersetuju. 43.6% lagi responden menjawab tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa penghuni Blok V5 dan V6 yakin akan keselamatan mereka ketika berada di Kolej Kediaman tetapi tetap sedar akan risiko kemalangan yang boleh berlaku pada bila-bila masa.



Rajah 3: Keprihatinan Kawasan Kolej Kediaman


Sebanyak 82.1% responden berasa selesa di Kolej Kediaman dan hanya 3.3% sahaja yang berasa tidak selesa. Selebihnya 14.6% menjawab tidak pasti. Kemudahan yang disediakan di Kolej Kediaman cukup memadai untuk melaksanakan tugas kuliah yang diberikan. Ini dapat dibuktikan dengan 71.4% responden bersetuju dengan pernyataan ini dan cuma 6% sahaja responden yang tidak bersetuju manakala 22% lagi responden menjawab tidak pasti. Data-data ini ditunjukkan pada Rajah 4.





Rajah 4: Faktor Persekitaran

Bagi memupuk kesedaran berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan dikalangan penghuni Blok V5 dan V6, pengetahuan sedia ada berkenaan keselamatan dan kesihatan juga penting. Merujuk Rajah 5, sebanyak 81.4% responden menyatakan mereka pernah mengikuti taklimat keselamatan dan kesihatan di tempat lain iaitu selain dari PSAS manakala hanya 18.6% sahaja yang tidak pernah mengikuti taklimat berkenaan sebelum ini. 61.6% responden pernah atau sedang menganggotai pasukan sukarelawan dan 38.4% tidak pernah. Sebanyak 83.8% responden mengakui bahawa penglibatan dalam pasukan sukarelawan berupaya meningkatkan pengetahuan dalam melakukan tindakan awal sekiranya berlaku situasi yang mencemaskan di kawasan Kolej Kediaman manakala 15.4% lagi responden menjawab tidak pasti dan 0.8% lagi tidak bersetuju. Ini membuktikan penglibatan pelajar dalam pasukan sukarelawan dapat memupuk kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan disamping memberi pengetahuan am berkenaan tindakan kecemasan. Ini dapat dibuktikan lagi apabila 70% dari responden menyatakan mereka mempunyai pengetahuan dalam melakukan bantuan atau tindakan awal sekiranya berlaku kecemasan di Kolej Kediaman manakala sebanyak 29.7% menyatakan mereka tidak pasti dan hanya 3.3% sahaja responden yang tidak bersetuju.



Rajah 5: Pengetahuan Sedia Ada Responden


Rajah 6 menunjukkan sebanyak 78.8% responden bersetuju bahawa adalah menjadi tanggungjawab Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan untuk melaporkan jika berlaku kejadian yang tidak diinginkan seperti kemalangan kepada pihak tertentu manakala 15.5% responden menyatakan tidak pasti dan 5.7% lagi tidak bersetuju. 88.4% responden bersetuju bahawa mereka dan rakan-rakan mereka yang lain perlu mengikuti sebarang taklimat berkenaan keselamatan dan kesihatan manakala selebihnya iaitu 10.8% responden menjawab tidak pasti dan 0.8% lagi tidak bersetuju.




Rajah 6: Kesedaran Tanggungjawab JKKP Dan Kepentingan Taklimat Keselamatan Dan Kesihatan Di Kalangan Responden

Tahap keselamatan dan kesihatan di Kolej Kediaman tertutamanya di blok V5 dan V6 berada pada tahap yang terbaik. Ini dibuktikan melalui Rajah 7 apabila sebanyak 71.5% responden bersetuju dengan pernyataan ini dan hanya 3.3% responden sahaja yang tidak bersetuju. 25.2% responden lagi jawab tidak pasti. Majoriti responden atau 97.5% bersetuju bahawa pengetahuan berkenaan keselamatan dan kesihatan perlu diterapkan sejak dari bangku sekolah lagi manakala cuma 2.5% sahaja yang tidak bersetuju. Ini menunjukkan kesedaran yang amat tinggi dikalangan penghuni blok V5 dan V6 berkenaan dengan isu keselamatan dan kesihatan.

19. Tahap Keselamatan dan Kesihatan di kolej kediaman anda sekarang berada pada tahap yang terbaik.



20. Pengetahuan berkenaan Keselamatan dan Kesihatan perlu diterapkan sejak dari bangku sekolah



Rajah 7: Tahap Keyakinan Responden Terhadap Tahap Keselamatan Di Kolej Kediaman

#### 4. Kesimpulan dan Cadangan

Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan, ia menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan dan kesedaran yang signifikan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan bagi penghuni-penghuni blok V5 dan V6 Kolej Kediaman PSAS setelah Taklimat Keselamatan dan Kesihatan dan Latihan Pengungsian Bangunan Blok V5 dan V6 Kolej Kediaman PSAS dilaksanakan. Ini dapat dilihat daripada data kajian iaitu lebih dari 90% responden memahami dan mampu menilai situasi bahaya di Kolej Kediaman. Oleh itu latihan ini dan taklimat keselamatan dan kesihatan perlu diteruskan dan diperhebatkan pada masa akan datang.

Selain itu, kawasan Kolej Kediaman PSAS terutamanya di blok V5 dan V6 adalah sangat selamat dan kondusif untuk para penghuninya namun begitu perlu kerap membuat penilaian risiko kerana hampir separuh dari penghuninya tidak pasti berkenaan dengan tahap risiko di Kolej Kediaman PSAS.

Bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkenaan tindakan awal kecemasan, pihak Kolej Kediaman atau pihak Pengurusan PSAS perlu mempertingkatkan usaha menggalakkan para pelajarnya menyertai pasukan sukarelawan seperti Pengakap, Angkatan Pertahanan Awam, Askar Wataniah dan sebagainya kerana kemahiran-kemahiran berkenaan tindakan awal kecemasan ada diterapkan di dalam pasukan sukarelawan berkenaan. Pihak Pengurusan Asrama PSAS juga digalakkan untuk bekerjasama dengan Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSAS untuk merancang dan melaksanakan lebih banyak lagi program atau latihan berkenaan keselamatan dan kesihatan.



## Rujukan

- Holt, A.S.J., & Allen, J. (2015). *Principles of Health and Safety at Work*. London: Routledge
- Mohamed, R., Juhari, M.A.F., Baker, R., & Yasid, A.F.M.(2018). Hubungan antara Sikap dan Latihan dengan Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Pusat Perubatan Swasta Malaysia. *Proceeding of the 5th International Conference on Management and Muamalah 2018 (ICoMM 2018)*, 5(19),207-219. <http://conference.kuis.edu.my/icommm/5th/images/e-proceeding/IC-019.pdf>
- Faiz, Z. (2017). *Amalan Pengurusan Keselamatan Dan Tingkah Laku Keselamatan Dalam Kalangan Pekerja Di Dalam Industri Automotif di Malaysia* [master's thesis, Universiti Utara Malaysia]. UUM Electronic Theses and Dissertation [eTheses]. [http://etd.uum.edu.my/7631/1/s821256\\_01.pdf](http://etd.uum.edu.my/7631/1/s821256_01.pdf)
- M, Mansur., Peng, S.H. (2009). Keberkesanan Latihan Keselamatan Dan Kesihatan Dalam Mengurangkan Kemalangan Di Tempat Kerja. *Prosiding PERKEM IV, Jilid 2* (2009), 293-324. <https://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemIV/PERKEM2009-2-25.pdf>
- Azlan, S.N., Wahab, S.R.A. (2018). Kesan Amalan Latihan Keselamatan Kepada Komitmen Organisasi Di Sebuah Organisasi Perkilangan di Johor Bahru. *Journal Of Human Capital Development (JHCD)*, vol.11(1), 12-22. <https://journal.utem.edu.my/index.php/jhcd/article/view/4234/3118>
- Namian, M., Albert, A. & Behm, Michael. (2016). Role of Safety Training: Impact on Hazard Recognition and Safety Risk Perception. *Journal of Construction Engineering and Management. Volume 142 Issue 12*. DOI: 10.1061/(ASCE)CO.1943-7862.0001198.
- Misnan, M.S., Mohammed, A.H., Yusof, Z.M., Hamid, R.A., Othman, N., & Mahmood, W.Y.W. (2015). Isu-Isu Semasa Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Dalam Industri Pembinaan Malaysia. 6 Feb. 2015. <https://www.researchgate.net/publication/265315355>
- Reese, C.D. (2016). *Occupational Health and Safety Managemeny: A Practical Approach*. 3<sup>rd</sup> Ed. CRC Press, Boca Raton Florida.
- Tharmarajan, P. (2007). *The Essential Aspects of Fire Safety Management In High-Rise Buildings*. [master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia]. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository. <http://eprints.utm.my/id/eprint/6131/1/PrashantTharmarajanMFKA2007.pdf>
- Sahid, F.M., Hin, K.F., & Ahmad, A.L. (2013). Tahap Kesedaran Tentang Keselamatan Dan Kesihatan Di Tempat Kerja Bagi Staf JKM Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013)*. No Prosiding 06. 219-227.



- Wells, J. W. (2003). How Effective is your safety culture? *Occupational Health and Safety*, 72 (9), 26.
- Wan Sabri Bin Wan Ismail. (2012). *Kesedaran Keselamatan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Di Lembah Kelang*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Cetakan Pertama, Skudai, Johor. Universiti Teknologi Malaysia. 37 - 44.
- Mohd. Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Cetakan Keenam, Ampang, Selangor. Dewan Bahasa Dan Pustaka. 57 – 150.
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Cetakan Pertama, Petaling Jaya, Selangor. Prentice Hall. 91 – 118.